



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan Yang Terlibat	SARAWAK, KEDAH, KELANTAN, PULAU PINANG, PERAK, SELANGOR, WP KUALA LUMPUR, NEGERI SEMBILAN DAN JOHOR . *Bagi Sarawak, sila rujuk SOP PKPB Negeri Sarawak
Tempoh Berkuat kuasa	5 Mac 2021 (mulai 12.01 pagi) sehingga 18 Mac 2021 (11.59 malam) * Bagi Sarawak bermula pada 2 Mac 2021 (mulai 12.01 pagi) sehingga 15 Mac 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan dalam kawasan PKPB adalah DIBENARKAN. WP Kuala Lumpur dan Selangor adalah dianggap satu zon dan pergerakan rentas dibenarkan. • Pergerakan ke kawasan PKPB lain, kawasan PKP, PKPP dan PKPD TIDAK DIBENARKAN kecuali dengan KEBENARAN PDRM. • Bilangan penumpang dalam kenderaan persendirian adalah mengikut kapasiti kenderaan. Namun individu yang berisiko tinggi dan kanak-kanak tidak digalakkan keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak. • Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan membawa barangan dan perkhidmatan perlu serta rantaian aktiviti ekonomi/industri bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan. • Pergerakan kenderaan persendirian, jabatan Kerajaan atau syarikat swasta bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja atau menjalankan urusan rasmi Kerajaan adalah bergantung kepada kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut. • Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan DIBENARKAN beroperasi. • Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas henti-henti, bas ekspres, LRT/ MRT/ ERL/ Monorel, feri, kapal terbang, teksi/ <i>e-hailing</i> dan lain-lain pengangkutan awam DIBENARKAN beroperasi (waktu operasi mengikut syarat lesen) berdasarkan kapasiti kenderaan. • Perkhidmatan penghantaran makanan DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan PKPB.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rangkaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti Dalam Kawasan PKPB	<ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan / ekonomi / industri DIBENARKAN beroperasi seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan. • Pasar Raya, Pusat Beli Belah dan <i>Retail Store</i> DIBENARKAN beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan antara 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. • Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera / pusat penjaja, gerai makan tepi jalan / kiosk, kedai runcit dan kedai serbaneka DIBENARKAN beroperasi antara 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam dengan pematuhan kepada SOP Sektor Makanan. • Restoran dan kedai makan DIBENARKAN beroperasi secara <i>dine-in</i> (DENGAN PENJARAKAN 1 METER ANTARA PELANGGAN mengikut saiz meja), bawa pulang (<i>take away</i>), penghantaran (<i>delivery</i>) atau pandu lalu dengan pematuhan kepada SOP Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis, Penjaja Tanpa Premis, Pasar Berbangunan dan Peruncitan/Serbaneka Makanan & Minuman). Waktu operasi dibenarkan dari 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam (tertakluk syarat lesen). • Operasi pasar harian, pasar borong, pasar tani, pasar malam dan Bazar Larut Malam (uptown, downtown dan seumpamanya) adalah mengikut waktu mula operasi mengikut lesen/permit sehingga 12.00 tengah malam dengan pematuhan SOP dan pengawasan pihak berkuasa serta anggota RELA/PBT. • Waktu operasi pengepaman di stesen minyak adalah antara 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam (kecuali pengoperasian stesen minyak di lebuhraya dibenarkan beroperasi 24 jam). • Operasi dobi DIBENARKAN bermula jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. • SPA, refleksologi,urut, <i>wellness</i> termasuk perkhidmatan <i>pedicure</i> dan <i>manicure</i> DIBENARKAN dari jam 6.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam atau mengikut syarat lesen PBT yang mana lebih awal. • Operasi lain-lain perniagaan untuk keperluan harian yang DIBENARKAN bermula dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam (tertakluk syarat lesen).

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Perkhidmatan Perubatan/ Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Waktu operasi klinik dan hospital Kerajaan dan swasta DIBENARKAN beroperasi secara 24 jam atau mengikut waktu yang ditetapkan oleh Kerajaan. • Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.
Protokol Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter. • <i>Hand sanitizer</i> disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk. • Pemegang lesen dan pemilik premis diwajibkan menyediakan kemudahan QR code MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan. • Penggunaan aplikasi MySejahtera diwajibkan di kawasan capaian internet yang luas. Pengecualian diberikan bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai capaian internet khususnya di kawasan kampung dan pedalaman. • Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan pelanggan <i>check in</i> premis menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon serta mengimbas suhu badan. Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius adalah TIDAK DIBENARKAN memasuki premis. Pihak pemilik premis perlu memastikan hanya pelanggan dengan status "<i>Low Risk</i>" dalam MySejahtera, sahaja yang dibenarkan masuk ke premis masing-masing. • Pemegang lesen dan pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dengan penjarakan fizikal 1 meter radius dalam sesuatu masa dan memaparkan jumlah maksimum pelanggan yang berada dalam premis. • Pekerja, pembekal dan pelanggan diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM ketika berada di premis.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rangkaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Protokol Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik di premis. • Diwajibkan memakai pelitup muka terutama apabila berada di tempat awam yang sesak KECUALI bagi aktiviti dan tempat seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Kediaman sendiri dan melibatkan ahli isi rumah; b. Bilik Hotel/Penginapan Berbayar Bersendirian dan melibatkan ahli isi rumah; c. Ruang kerja bersendirian; d. Aktiviti sukan & rekreasi <i>Indoor</i> dan <i>Outdoor</i>; e. Kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah; f. Kawasan dan tempat awam <i>indoor / outdoor</i> tanpa ada individu lain; dan g. Sewaktu makan dan minum di tempat awam tanpa ada individu lain.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKP, PKPB dan PKPP DIBENARKAN. Pergerakan pekerja adalah tertakluk kepada surat pengesahan majikan / pas pekerja atau surat kelulusan beroperasi / lesen perniagaan daripada PBT (bagi yang bekerja sendiri). • Pergerakan ke kawasan PKPD TIDAK DIBENARKAN. • Kapasiti kehadiran pekerja bagi perkhidmatan awam berdasarkan kepada Pekeliling/ Arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manakala bagi sektor swasta berdasarkan kepada 30% bagi Kumpulan Pengurusan dan jumlah pekerja operasi/ sokongan ditetapkan oleh majikan. • Bagi kenderaan yang membawa pekerja termasuk kenderaan persendirian adalah DIBENARKAN beroperasi dengan pematuhan SOP.
Aktiviti Sukan dan Rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> • Semua aktiviti sukan dan rekreasi individu dan berpasukan bagi tujuan kesihatan, kecergasan, latihan dan permainan/perlawanan TERTAKLUK kepada SOP Sektor Sukan dan Rekreasi termasuklah arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa dan kebenaran Pihak Berkuasa yang berkaitan. • Penganjuran kejohanan/ pertandingan di peringkat negeri/ komuniti DENGAN kebenaran KBS. • Penganjuran kejohanan/ pertandingan di peringkat kebangsaan yang melibatkan pergerakan rentas negeri dengan KEBENARAN PDRM seperti Liga MFL, MHL dan STL mestilah mengikut Model Gelembung Sukan dan TANPA kehadiran penonton/ penyokong. • Penganjuran kejohanan/ pertandingan kebangsaan dan antarabangsa WAJIB mendapat kebenaran KBS. • Program Latihan Pusat Berfasa bagi pasukan-pasukan yang terlibat dalam MFL, MHL dan STL secara "<i>Home/ Camp Quarantine</i>". • Program Latihan Berpusat yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara dan Majlis-Majlis Sukan Negeri dilaksanakan dengan konsep "<i>Camp Quarantine</i>". • Aktiviti berkumpulan yang dilakukan secara setempat TANPA SENTUHAN FIZIKAL dengan had kapasiti 50% daripada kapasiti kawasan dengan pematuhan penjarakan fizikal dan DENGAN kawalan penyeliaan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti Sektor Ekonomi dan Industri	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti sektor ekonomi dan industri di kawasan PKPB berjalan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. • Semua kenderaan berkaitan industri, perniagaan dan perkilangan DIBENARKAN beroperasi termasuk merentas daerah dan negeri.
Aktiviti Sektor Perikanan, Perladangan dan Pertanian	Sektor perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantaian makanan adalah DIBENARKAN beroperasi.
Aktiviti Keagamaan	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti di masjid dan surau DIBENARKAN dengan had kehadiran ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri. • Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam DIBENARKAN dengan had kehadiran ditetapkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi rumah ibadat di Wilayah Persekutuan.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Industri Kreatif	<ul style="list-style-type: none"> • Semua jenis acara, pertunjukan, persembahan, <i>live music</i> dan <i>live band</i> yang dibuat secara langsung merangkumi muzik, lakonan, komedi, seni persembahan, budaya, warisan, multimedia dan <i>live streaming</i> di dewan, auditorium, premis seni, pusat konvensyen, studio, stadium dan lounge hotel DIBENARKAN TANPA PENONTON. • Jumlah pengurusan, artis dan kru terhadap kepada 70% daripada kapasiti biasa. • Aktiviti Pembangunan Kandungan Kreatif termasuk produksi muzik, animasi dan penggambaran filem, drama dan dokumentari yang dibuat di dalam dan luar studio adalah DIBENARKAN. Walau bagaimanapun, program televisyen yang dibuat secara langsung atau rakaman di dalam dan luar studio DIBENARKAN TANPA PENONTON. • Aktiviti 'busking' di kawasan premis bangunan seperti kafeteria, medan selera, kedai makan dan pusat beli belah DIBENARKAN. • Aktiviti pawagam dan pawagam pandu masuk DIBENARKAN di kawasan PKPB.
Pusat Jagaan Harian, Pusat Asuhan Kanak-Kanak, TASKA, Tadika dan Tabika	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat jagaan kanak-kanak, tabika, tadika dan taska dibenarkan beroperasi dengan kebenaran beroperasi oleh Kementerian/Agensi berkaitan. • Ibumama/penjaga yang menghantar anak-anak ke pusat jagaan kanak-kanak dibenarkan menggunakan kenderaan dengan jumlah penumpang kanak-kanak mengikut kapasiti kenderaan. • Pusat jagaan harian bagi Orang Kurang Upaya (OKU), Warga Emas, Wanita dan Pusat Jagaan Pelbagai dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKPB.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, pusat tahfiz, institusi pendidikan swasta kategori tadika swasta, sekolah dan pusat (seperti pusat tuisyen, pusat Bahasa, pusat kemahiran, pusat perkembangan minda dan pusat bimbingan) dan institusi-institusi pendidikan lain DIBENARKAN dengan mematuhi Garis Panduan yang ditetapkan oleh Kementerian/Agensi masing-masing. • Semua institusi pendidikan dan institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM beroperasi berdasarkan keputusan serta pengumuman KPM dari semasa ke semasa. Institusi lain adalah digalakkan untuk memulakan operasi berdasarkan kepada pengumuman KPM. • Pelajar dan calon yang menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 dan 2021, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus untuk Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 dan peperiksaan antarabangsa yang setara dibenarkan hadir ke sekolah merentasi kawasan PKP atau PKPB atau PKPP mengikut takwim persekolahan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan dokumen pengesahan daripada KPM. • Pergerakan pensyarah/guru/tenaga pengajar bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran kelas-kelas yang terlibat dibenarkan dengan pengesahan daripada KPM dan KPT. • Pergerakan bagi kemasukan pelajar-pelajar ke asrama yang ditetapkan oleh KPM dan KPT adalah dibenarkan dengan pengesahan daripada KPM dan KPT. • Pelajar yang berkeperluan perlu mendapatkan surat kebenaran pergerakan bagi merentas negeri untuk pulang ke kampus dari IPT berkenaan.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
MICE (<i>Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti acara perniagaan (<i>business events</i>) berkaitan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran adalah dibenarkan beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP MICE PKPB.
Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan	<p>Aktiviti-aktiviti berikut dibenarkan beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP-SOP PKPB berkaitan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Produk tarikan pelancong awam seperti zoo, <i>farms</i>, akuarium, pusat <i>edutainment</i>, taman rekreasi, <i>extreme / adventure / nature parks</i> dan lain-lain; • Premis hasil seni, budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat / kampung seni warisan budaya, pentas persembahan budaya dan lain-lain; • Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga. <p>Lain-lain aktiviti pelancongan dan kebudayaan SELAIN di bawah Senarai Negatif adalah tertakluk kepada SOP-SOP PKPB Sektor Pelancongan dan Kebudayaan sedia ada yang sedang berkuatkuasa.</p>
Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat secara bersemuka bagi urusan rasmi/kerja yang diadakan di pejabat, hotel dan lain-lain institusi adalah dibenarkan dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan hanya 50% kapasiti bilik mesyuarat. • Mesyuarat digalakkan dilaksanakan secara dalam sidang video.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Seminar / Persidangan / Bengkel / Kursus / Latihan / Ceramah / Pameran	<ul style="list-style-type: none"> • Semua Seminar/Persidangan/Bengkel/Kursus/Latihan/Ceramah/Pameran dibenarkan beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP Am Pelaksanaan Majlis Rasmi Kerajaan dan Swasta.
Penganjuran Majlis Keramaian	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta, Majlis Sosial seperti kenduri-kendara, upacara pernikahan (akad nikah), majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, <i>reunion</i>, <i>retreat</i> dan lain-lain majlis sosial dibenarkan beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP Am Pelaksanaan Majlis Sosial.
Lain-Lain Aktiviti Yang Dibenarkan	<ul style="list-style-type: none"> • Lain-lain aktiviti yang tidak termasuk dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (<i>Negative List</i>) adalah DIBENARKAN berdasarkan SOP sedia ada yang telah ditetapkan.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

TARIKH MULA KUAT KUASA: 5 MAC 2021

Aktiviti dibenarkan

- Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan Tugas Rasmi Kerajaan
- Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

Aktiviti tidak dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi
- SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan

Penerangan Ringkas

Senarai Aktiviti Yang TIDAK DIBENARKAN (*Negative List*)

Aktiviti Hiburan

- Aktiviti di kelab malam atau pub.
- Aktiviti konsert atau acara langsung dengan kehadiran penonton.

Aktiviti Sukan dan Rekreasi

- Aktiviti penganjuran kejohanan/ pertandingan **TANPA** kebenaran Kementerian Belia dan Sukan.
- Aktiviti penganjuran kejohanan/ pertandingan **DENGAN** kehadiran penonton/ penyokong. Aktiviti berkumpul yang bersentuhan fizikal dilakukan **MELEBIHI** had kapasiti 50% kapasiti kawasan **TANPA** kawalan penyeliaan.
- Aktiviti yang dijalankan di luar kawasan arahan pergerakan yang sedang berkuatkuasa kecuali mendapat kebenaran.
- Aktiviti massa yang melibatkan pergerakan dan perkumpulan ramai yang menyukarkan penjarakan fizikal dalam satu-satu masa seperti *fun run, fun ride, marathon, triathlon* dan sebagainya.

Aktiviti Pelancongan

- Aktiviti pelancongan ke luar kawasan PKPB, di kawasan PKP dan PKPD.
- Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia kecuali pelancong asing daripada negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri.

Lain-lain Yang Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.
- Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.